

NO. SOALAN : 535

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nombor hakmilik baru Lot 54267 di Bukit Kiara, Kuala Lumpur selepas hakmilik HS(D) 119633 PT 9331 dipajakkan kepada Measat DigiCast Sdn. Bhd., adakah hakmilik Lot 54267, 54269 dan 54270 telah atau akan diserahkan kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN : YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada hak milik baru bagi tanah Lot 54267, Mukim Kuala Lumpur. Tanah Lot 54267, 54269 dan 54270 adalah tanah Kerajaan bagi maksud awam.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (536)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMPUT]**

SOALAN :-

YB. Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan cadangan pembangunan di Lot HS(D) 119633 PT9331 di Bukit Kiara, Kuala Lumpur dan memandangkan lot ini terletak dalam Kawasan Hijau mengikut Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020, apakah syarat-syarat nyata penggunaan tanah tersebut selama tempoh pajakan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Lot HS(D) 119633 PT9331 di Bukit Kiara, Kuala Lumpur adalah dalam peringkat penyelesaian di antara Measat Digicast Sdn. Bhd. (MDSB) dan Pentadbir Tanah Persekutuan (PTP). Namun demikian, syarat-syarat nyata penggunaan tanah tersebut adalah tertakluk kepada perkara yang telah ditetapkan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ogos 2017